

05 SEP 2003

KONSORTIUM-PELABURAN/I

KONSORTIUM LOGISTIK MULA PELAKSANAAN PERISIAN BARU

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Konsortium Logistik Bhd, sebuah syarikat penyedia penyelesaian logistik yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), hari ini mengumumkan pelancaran penyelesaian perisian maklumat rangkaian bekalan barunya yang berharga RM3.2 juta.

Sistem Pengurusan Urus Niaga (TxMS) dan Sistem Pengurusan Pengangkutan (TMS) syarikat itu yang dilaksanakan hari ini, merupakan komponen akhir dalam kumpulan aplikasi rangkaian bekalan yang telah dimajukan oleh Konsortium itu dalam beberapa tahun lalu.

Pengerusi eksekutif dan presiden Konsortium Logistik, Mirzan Mahathir berkata, pembangunan perisian baru itu adalah hasil daripada perikatan antara syarikat itu dan Satyam Computer Services Ltd, sebuah syarikat perisian terkemuka yang disenaraikan di Bursa Saham New York.

"Hasilnya ialah pembangunan penyelesaian pengurusan rangkaian logistik `generasi akan datang' yang akan memberikan keupayaan dan faedah berkesan kos yang tiada tandingannya kepada pelanggan kami di semua industri dan pasaran...dan juga yang pertama seumpamanya dalam industri ini," kata Mirzan kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian bagi pelaksanaan penyelesaian perisian itu di sini, hari ini.

Katanya, projek bagi memajukan TxMS dan TMS telah dijalankan dalam tempoh 14 bulan dengan pengemblengan tenaga pasukan Satyam dan bahagian teknologi Konsortium.

Model pembangunan luar pesisir yang disediakan oleh Satyam itu akan membolehkan syarikat itu mencapai pulangan yang lebih baik bagi pelaburannya, tegas Mirzan.

Melalui penyelesaian baru ini, Konsortium berharap dapat mempertingkatkan kecekapan rangkaian logistiknya secara dramatik, dan menyediakan platform tunggal bagi pelanggannya serta menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan dalam perniagaan. -- BERNAMA

SAK SD KY AA